

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

AOP 402 - Pengurusan Perbandingan

Masa : [3 Jam]

Pilih dan jawab EMPAT soalan daripada ENAM soalan yang disenaraikan.

1. Bincangkan perbezaan dan persamaan di antara gaya pengurusan cara Jepun dan gaya pengurusan cara Barat - menekankan kelemahan-kelemahan dan kelebihan-kelebihan kedua-dua gaya itu. Sila rujuk kepada rencana-rencana yang telah dibincangkan dalam kursus ini.'

[25 markah]

2. Bicangkan peranan sebuah firma perdagangan am (General Trading Company).

Definaskan apakah itu Sogoshosha/Chaebois dan fungsi-fungsinya.

Sila rujuk kepada rencana-rencana dan bahan bacaan yang telah dibincangkan dalam kursus ini. Patutkah Malaysia mengwujudkan firma-firma seperti ini untuk operasi perdagangan antarabangsanya.

[25 markah]

...2/-

3. Definasikan teori edaran hidup produk [Product life-cycle], bagaimana teori ini berkait dengan konsep keutamaan firma [Firm Specific Advantage] dan peraturan-peraturan mode operasi dan undang-undang perlesenan ("Licensing") dan undang-undang paten ("Patents"). Sila beri contoh-contoh negara-negara dan produk-produknya yang telah melalui "edaran" ini.

[25 markah]

4. Dari pengetahuan dan pengalaman anda, mengenai firma bekalan makanan segera Mc Donald pada pendapat anda kenapakah P.U.A. ini diterima dengan senangnya oleh berbagai negara. Adakah aktiviti-aktiviti P.U.A. ini memberinya 'bargaining leverage' iaitu kedudukan yang lebih kukuh semasa berunding dengan kerajaan-kerajaan tuan rumah.

[25 markah]

5. Agensi-agensi "multilateral" iaitu agensi-agensi yang mewakili berbagai negara adalah lebih berkesan dari negara-negara secara perseorangan untuk mengawal operasi dan tindak tanduk P.U.A.-P.U.A yang wujud". Adakah anda setuju atau tidak dengan kenyataan di atas - Sila beri alasan-alasan anda bersama dengan contoh-contoh yang berkaitan.

[25 markah]

6. Definasikan konsep "Cartel" dan "Counter-trade". Apakah peranan kedua-kedua konsep ini dalam bidang perdagangan antarabangsa? Adakah negara kita pernah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti "cartel" atau "Counter-trade"? Sila beri contoh-contoh dengan merujuk kepada rencana-rencana dan bahan-bahan bacaan kursus ini.

[25 markah]